

Pembentukan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Service Learning Malaysia University For Society (SULAM) di Universiti Teknologi MARA  
(*Soft Skills Development through the Implementation of Service Learning Malaysia University for Society (SULAM) Courses at Universiti Teknologi MARA*)

NOOR AFZAN ZAKARIA\*, NOORAIDAH MOKHTAR & FAIRUS MUHAMAD DARUS

ABSTRAK

Demi menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara, mahasiswa yang dibentuk oleh universiti perlu mempunyai personaliti berketrampilan dan berkemahiran holistik. Salah satu cara untuk meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa adalah melalui kursus kokurikulum. Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), beberapa kursus kokurikulum dipilih untuk melaksanakan aktiviti Service Learning Malaysia University For Society (SULAM) yang bertujuan untuk menggalakkan perkhidmatan masyarakat dan tanggungjawab sosial. Tujuan kajian ini adalah untuk menyiasat pembentukan kemahiran insaniah di kalangan pelajar yang menyertai kursus kokurikulum yang termasuk aktiviti SULAM. Kajian ini dilaksanakan melalui soal selidik dalam talian yang melibatkan mahasiswa di kampus-kampus UiTM. Dalam kajian ini tujuh elemen kemahiran insaniah telah diukur iaitu pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berkumpulan, etika dan moral profesional, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kepimpinan. Hasil kajian menunjukkan impak positif terhadap pembentukan kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti SULAM sebagai sebahagian daripada kursus kokurikulum. Ini menunjukkan bahawa kursus kokurikulum yang melibatkan aktiviti SULAM dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran insaniah mereka. Secara keseluruhan, hasil kajian ini menekankan kepentingan menggabungkan aktiviti seperti SULAM, ke dalam kurikulum universiti sebagai cara untuk menggalakkan pembangunan holistik pelajar dan mempersiapkan mereka untuk kejayaan di masa depan.

Kata Kunci: Kemahiran Insaniah, *Service Learning*, Kokurikulum, Universiti Teknologi MARA

ABSTRACT

*In order to contribute to the development and progress of the country, students who are educated by universities need to have a holistic personality with various skills. One way to enhance students' soft skills is through co-curricular courses. At Universiti Teknologi MARA (UiTM), several co-curricular courses are selected to implement the Service Learning Malaysia University For Society (SULAM) activity, which aims to encourage community service and social responsibility. The objective of this study is to investigate the formation of soft skills among students who participate in co-curricular courses that include SULAM activities. This study was conducted through an online survey involving students at UiTM campuses. In this study, seven elements of soft skills were measured, namely critical thinking and problem solving, communication, teamwork, professional ethics and morals, continuous learning and information management, and leadership. The study results showed a positive impact on the formation of soft skills among students who were involved in SULAM activities as part of their co-curricular courses. This indicates that co-curricular courses that involve SULAM activities can help students develop their soft skills. Overall, this study emphasizes the importance of incorporating activities like SULAM into university curricula as a way to encourage holistic student development and prepare them for success in the future.*

Keywords: *Service Learning*, Co-Curriculum, Universiti Teknologi MARA

## PENGENALAN

Universiti memainkan peranan penting dalam melahirkan mahasiswa yang berkualiti. Universiti bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu tetapi ia juga tempat untuk membentuk keterampilan dan personaliti mahasiswa yang unggul (Marzuki et. al., 2021). Mahasiswa dididik untuk menjadi pemimpin supaya dapat membangunkan negara ke arah negara maju dan harmoni. Mereka perlu memiliki keterampilan, sahsiah dan jati diri yang baik agar negara dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang (Mat et. al., 2017).

Menyedari akan keperluan ini, semua universiti di negara ini menawarkan kursus kokurikulum kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah dan membantu prospek kerjaya masa depan mereka (Mancha dan Ahmad, 2016). Kemahiran insaniah amat penting kepada mahasiswa kerana kemahiran ini memberikan nilai tambah dalam pencapaian akademik dan bukan akademik secara keseluruhan (Kuan et. al., 2019). Kemahiran insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik. Ia merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan ketramplilan diri, personaliti dan kemanusiaan (Lau et. al., 2015).

Kokurikulum yang disediakan di universiti, bukan sahaja memenuhi minat dan kecederungan individu semata-mata. Melalui kegiatan kokurikulum ia dapat mengimbangkan dan mengintegrasikan pembentukan mahasiswa dari aspek fizikal, emosi, rohani dan intelektual serta memberi sumbangan bermakna dalam pembangunan masyarakat seimbang dan sejahtera negara (Baharom dan Idris, 2017).

Dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di universiti awam, pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia telah mengelaskan aktiviti kokurikulum kepada lapan teras utama iaitu teras kesukarelawan, kebudayaan, sukan, pengucapan awam, kepimpinan, daya usaha dan inovasi, khidmat komuniti dan keusahawanan (Lau et. al., 2015).

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), kursus kokurikulum ini ditawar dan dikendalikan oleh Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Pada masa ini sebanyak 209 kursus kokurikulum ditawarkan kepada mahasiswa. Namun begitu, hanya 90 kursus kokurikulum telah dikenal pasti dan didaftarkan sebagai kursus kokurikulum *Service Learning Malaysia University For Society* (SULAM).

Kursus kokurikulum yang melaksanakan program SULAM ini mempunyai kesinambungan dengan kursus kokurikulum diperingkat asas dan

ditawarkan kepada mahasiswa yang berada pada tahun kedua pengajian mereka. Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui pembentukan kemahiran insaniah kepada mahasiswa yang mengambil kursus kokurikulum yang melaksanakan program SULAM di kampus UiTM seluruh Malaysia. Tujuh elemen kemahiran insaniah tersebut ialah kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berpasukan, etika dan moral, pembelajaran berterusan dan kepimpinan.

## TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran insaniah mempunyai pelbagai istilah yang membawa maksud serupa seperti kemahiran dipindah milik, kemahiran generik, kemahiran kebolehgajian, kemahiran perlakuan dan kemahiran asas (Salleh et. al., 2016; Salleh et. al 2017). Secara umumnya, istilah kemahiran insaniah lebih lazim digunakan di Malaysia, bagi merujuk kepada pelbagai ilmu, kemahiran dan nilai kehidupan yang perlu ada bagi seseorang meningkatkan kebolehpasanya di dunia pekerjaan (Abbas et al., 2013; Md Rashidi et. al., 2018).

Menyedari akan keperluan meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan graduan universiti demi memenuhi keperluan pasaran dan industri, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengenal pasti tujuan elemen utama kemahiran insaniah yang perlu diterapkan di dalam mereka bentuk kurikulum program pengajian peringkat siswa di universiti awam di Malaysia (Sohadi, et. al., 2006).

Antara pendekatan yang diutarakan adalah pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti formal pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kemahiran insaniah berdasarkan program sokongan dan pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti kehidupan mahasiswa di kampus. Bagi kaedah pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti formal pengajaran dan pembelajaran, dua model telah dicadangkan iaitu model matapelajaran mandiri (*stand-alone subject*) dan model terapan (*embedded*) (Kamsah et al., 2008).

Bagi memperkasakan lagi peranan universiti di dalam melahirkan graduan berkualiti dan berwibawa, Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan pedagogi pendidikan khidmat bakti (*service-learning*) yang juga di sebut sebagai SULAM untuk dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi, 2015). SULAM ini merupakan salah satu transformasi amalan pendidikan berimpact tinggi (*High-Impact Education Practice – HIEP*) (Malaysian Higher

Education Teaching and Learning Council, 2016). Ia adalah pembelajaran melalui pengalaman secara langsung dalam senario sosial semasa dan membantu pelajar mengaplikasikan teori ilmu yang dipelajari secara praktikal (Azman dan Che Hamdan, 2011; Azlan et. al., 2020).

Menurut Malinin (2017), pendidikan khidmat bakti (*service-learning*) sering dikaitkan dengan aktiviti mendorong pertumbuhan peribadi dari aspek pengetahuan dan pengalaman melalui kerja dilapangan sebenar. Dalam kajiannya, mendapati mahasiswa yang terlibat *service-learning* memperolehi pengalaman dan impak positif dari aspek empati, pembinaan hubungan, keanjalan, sistem berfikir dan matlamat profesional. Kajian yang dilaksanakan oleh Carte (2011) turut menyatakan pelajar yang terlibat dalam *service-learning* mendapat peluang untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerja berkumpulan.

Kajian oleh Tucker et. al., (2008) menyatakan pelaksanaan *service-learning* di dalam kurikulum pengajian perniagaan dapat meningkatkan kefahaman teori subjek dan kemahiran komunikasi. Peningkatan kemahiran komunikasi ini berlaku apabila pelajar melakukan pelbagai acara seperti pembinaan kerja berpasukan, temubual dan mesyuarat, penulisan laporan serta pembentangan hasil penyelidikan yang terlibat di dalam aktiviti *service-learning*. Impak positif terhadap kemahiran insaniah pelajar melalui pelaksanaan *service-learning* tutut dilaporkan oleh Culcasi et. al., (2020). Pelajar yang terlibat di dalam aktiviti pembelajaran *service-learning* akan dapat mengembang kemahiran pemikiran kreatif dan komunikasi.

Pelaksanaan aktiviti *service-learning* sebagai kursus elektif kepada mahasiswa farmasi di sebuah universiti swasta tempatan di dalam negara ini menunjukkan peningkatan kemahiran komunikasi. Selain itu, mahasiswa tersebut juga mendapat manfaat dengan pembinaan kemahiran empati dan kepimpinan yang sangat penting untuk kerjaya mereka di masa depan (Khan dan Jacob, 2015).

Manakala, menurut Ibrahim et. al., (2020) pelaksanaan *service-learning* meningkatkan kefahaman

dan minat terhadap kursus yang diambil di samping memperbaiki kemahiran fikir aras tinggi. Mahasiswa juga menggunakan pengetahuan seperti kepimpinan dan kerja berpasukan. Secara keseluruhan, mahasiswa lebih menghargai dan mengubah perspektif mereka terhadap diri sendiri dan orang sekeliling.

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan pelaksanaan *service-learning* memberi impak positif kepada mahasiswa terhadap kemahiran insaniah mereka. Namun kajian sebegini masih terhad dan terbatas khususnya kepada universiti tempatan di Malaysia. Hal ini di sebabkan pelaksanaan konsep atau kaedah pembelajaran SULAM masih baru di negara ini. Justeru itu, keperluan untuk mengkaji dan meneliti terhadap implikasi pelaksanaan SULAM di univesiti wajar dilaksanakan khususnya dalam konteks kemahiran insaniah.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian rintis menggunakan pendekatan kuantitatif dengan metod tinjauan (*survey*). Responden kajian adalah mahasiswa di kampus UiTM seluruh Malaysia yang mendaftar kursus kokurikulum yang melaksanakan SULAM bagi semester pengajian Mac – Ogos 2021. Instrumen yang digunakan mengandungi 3 bahagian utama iaitu Bahagian A (Maklumat Demografi), Bahagian B (Kemahiran Insaniah) dan Bahagian C (Pelaksanaan SULAM). Cara pengiraan instrumen kemahiran insaniah dengan menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5 item iaitu sangat setuju (5), setuju (4), tidak pasti (3), tidak setuju (2) dan sangat tidak setuju (1).

Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 20.0. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan tahap penguasaan kemahiran insaniah menggunakan min, sisihan piawai dan peratus. Min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif seperti di Jadual 1.

JADUAL 1. Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan statistik deskriptif

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Adaptasi daripada Landell,1997)

Sampel kajian ini adalah mahasiswa yang mengambil kursus kokurikulum dari kampus UiTM seluruh Malaysia yang telah melaksanakan aktiviti *Service Learning Malaysia University For Society* (SULAM) SULAM. Responden diberi borang soal selidik untuk dijawab melalui format *GoogleForm*. Seramai 14,399 orang pelajar yang telah mengisi borang soal selidik ini. Tempoh kajian dijalankan adalah dari 12 Julai 2021 hingga 10 Ogos 2021.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### Profil Responden

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini mengikut kampus cawangan di seluruh Malaysia. Sebanyak 14,291 (41.9%) pelajar daripada 34,136 pelajar yang mengambil kursus kokurikulum yang melaksanakan SULAM bagi semester pengajian Mac – Ogos 2021.

JADUAL 2. Taburan responden berdasarkan kampus

Kampus	Jumlah
UiTM Shah Alam	2,238
UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	257
UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	838
UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	128
UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	881
UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	1,332
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	557
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bukit Mertajam	36
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam	219
UiTM Cawangan Perak Kampus Sri Iskandar	27
UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah	478
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau	550
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3	487
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	408
UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	1134
UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Jasin	186
UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka	187
UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang	125
UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	1,184
UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub	314
UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	472
UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	577
UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi	98
UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu	46
UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang	344
UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu	149
UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	440
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	190
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2	296
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah	113
Jumlah keseluruhan	14,291

Jadual 3 menunjukkan komposisi dan perincian profil responden yang terlibat dalam kajian ini dari segi jantina, umur dan taraf pendidikan.

Seramai 3,840 orang (26.9%) adalah lelaki manakala 10,451 orang (73.1%) responden adalah perempuan. Dari segi umur 497 orang (3.5%) responden berumur di bawah 19 tahun, 11,604 (81.2%) orang

berumur 20 – 21 tahun, 2,011 orang (14.1%) berumur 22 – 23 tahun, manakala 179 orang (1.3%) berumur 24 tahun dan ke atas. Dari segi jenis pengajian seramai 9,358 orang (65.8%) responden adalah pelajar yang mengambil pengajian Diploma, manakala 4,933 orang (34.2%) responden yang mengambil pengajian Ijazah Sarjana Muda.

JADUAL 3. Taburan jantina responden.

Kategori	Profil	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	3,840	26.9
	Perempuan	10,451	73.1
Umur	bawah 19 tahun	497	3.5
	20 - 21 tahun	11,604	81.2
	22 – 23 tahun	2,011	14.1
	24 tahun ke atas	179	1.3
Pengajian	Diploma	9,358	65.8
	Ijazah Sarjana Muda	4,933	34.2

#### Tahap Kemahiran Insaniah

Jadual 4 menunjukkan nilai skor min kemahiran insaniah yang diperolehi melalui maklum balas responden terhadap instrument kajian. Semua item memperolehi nilai skor min melebihi nilai 4 kecuali satu item yang berkaitan dengan kepimpinan. Namun, nilai min bagi item tersebut sangat hamper dengan nilai 4 iaitu 3.99. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden memberi jawapan setuju iaitu nilai skor adalah 4 terhadap pernyataan yang diberi bagi mengetahui tahap kemahiran insaniah.

Nilai purata skor min kemudiannya dikira mengikut dimensi kemahiran insaniah yang ingin dikaji. Jadual 5 menunjukkan nilai purata skor min bagi enam dimensi kemahiran insaniah. Nilai purata skor min untuk setiap dimensi berada di antara 4.14 hingga 4.33. Ini membawa interpretasi kemahiran insaniah berada pada tahap tinggi.

#### PERBINCANGAN

Semua tujuh dimensi kemahiran insaniah yang diukur dalam kajian ini menunjukkan nilai tahap penguasaan pada aras tinggi. Ini menunjukkan pelaksanaan aktiviti SULAM dalam kursus kokurikulum yang terpilih memberi pengaruh kepada penguasaan kemahiran insaniah kepada pelajar terlibat. Pengurusan aktiviti SULAM melibatkan kerja berkumpulan dan berhierarki di mana mahasiswa akan diberi peranan dan tanggungjawab berbeza. Dalam hal ini, elemen kemahiran insaniah seperti kepimpinan dan kerja berpasukan diaplikasikan oleh pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa pelajar yang terlibat dengan *service-learning* akan

membentuk kemahiran insaniah kerja berkumpulan dan kepimpinan (Carte, 2011; Laal and Ghodsi, 2012; Marcu *et. al.*, 2019).

Antara matlamat aktiviti SULAM bertujuan membantu selesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Mahasiswa yang melaksanakan aktiviti SULAM ini perlu mengenal pasti dan mencari pendekatan yang bersesuai bagi menjayakan aktiviti SULAM yang memenuhi keperluan kelompok masyarakat sasaran. Proses ini melibatkan elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Pelaksanaan aktiviti SULAM boleh melibatkan pelbagai pihak seperti mahasiswa, pensyarah, ahli masyarakat, agensi kerajaan atau swasta. Elemen komunikasi memainkan peranan penting bagi menjayakan aktiviti SULAM. Selain berkomunikasi antara pensyarah dan mahasiswa, komunikasi turut berlaku antara pelajar dengan pihak-pihak lain sama ada melalui telefon, surat/*e-mel* atau mesyuarat. Dalam kalangan mahasiswa juga perlu kerap berkomunikasi melalui perbincangan formal atau tidak formal untuk menyelaras dan mengetahui status tugas masing-masing. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Tucker *et. al.* (1998), Khan dan Jacob (2015), dan Najmr *et. al.* (2018) yang menunjukkan bahawa pelaksanaan *service-learning* berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar terlibat.

Aktiviti SULAM memberi peluang kepada mahasiswa bagi mengaplikasi ilmu dipelajari di dalam kelas ke dunia lapangan sebenar. Mahasiswa akan berusaha mengetahui dan memahami isu dan situasi sebenar di lapangan sebelum dapat mengalikasi ilmu yang mereka ada. Ini menunjukkan senario umum yang memerlukan mahasiswa untuk terus belajar melalui dunia sebenar. Proses ini mengalakkan

**JADUAL 4. Nilai skor min item kemahiran insaniah**

Dimensi / Item	Min	Sisihan Piawai
Pemikiran Kritis dan penyelesaian masalah		
Saya mampu mengenalpasti masalah dalam situasi kompleks.	4.17	0.82
Saya mampu mengenalpasti masalah dalam situasi kabur.	4.06	0.50
Saya mampu menganalisa kepada masalah yang dihadapi.	4.16	0.61
Saya mampu membuat penilaian kepada masalah yang dihadapi.	4.16	0.41
Saya mampu menerangkan dengan jelas masalah yang dihadapi.	4.13	0.51
Komunikasi		
Saya mampu menyampaikan pendapat saya dengan jelas.	4.16	0.51
Saya mampu menyampaikan pendapat saya dengan berkesan.	4.11	0.70
Saya mampu menyampaikan pendapat saya kepada sesiapa pun dengan yakin.	4.04	0.89
Saya mampu mendengar secara aktif.	4.30	0.42
Saya mampu memberi maklum balas dengan baik semasa berkomunikasi.	4.18	0.51
Kerja Berpasukan		
Saya mampu membina hubungan baik dalam pasukan.	4.37	0.73
Saya mampu berinteraksi dengan semua ahli dalam pasukan.	4.35	0.73
Saya mampu bekerja dengan efektif dalam pasukan.	4.35	0.93
Saya mampu memainkan peranan dalam mencapai matlamat pasukan.	4.34	0.82
Saya mampu mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli dalam pasukan.	4.23	0.50
Etika dan Moral		
Saya mampu menganalisa sesuatu perkara berkaitan etika.	4.27	0.42
Saya mampu mengambil kira elemen etika di dalam proses penyelesaikan masalah.	4.24	0.42
Saya mampu mengambil kira impak etika semasa membuat sesuatu keputusan.	4.24	0.62
Saya mampu melaksanakan sesuatu tugas berlandaskan etika.	4.27	0.61
Saya mampu memastikan ahli pasukan patuh kepada etika.	4.21	0.71
Pembelajaran Berterusan		
Saya mampu mencari matlamat daripada pelbagai sumber.	4.32	0.53
Saya mampu mengurus matlamat daripada pelbagai sumber.	4.27	0.52
Saya mampu mengenalpasti maklumat yang relevan.	4.26	0.72
Saya mampu menerima idea baru.	4.35	0.53
Saya mampu belajar secara pembelajaran autonomi.	4.15	0.60
Kepimpinan		
Saya mampu menjadi ketua dalam pasukan.	3.99	0.58
Saya mampu mengurus ahli dalam kerja berpasukan.	4.09	0.79
Saya mampu mencapai matlamat pasukan.	4.19	0.81
Saya mampu menerima perbezaan pendapat dalam pasukan.	4.31	0.52
Saya mampu menguruskan konflik dalam pasukan.	4.14	0.60

**PERBINCANGAN**

Semua tujuh dimensi kemahiran insaniah yang diukur dalam kajian ini menunjukkan nilai tahap penguasaan pada aras tinggi. Ini menunjukkan pelaksanaan aktiviti SULAM dalam kursus kokurikulum yang terpilih memberi pengaruh kepada penguasaan kemahiran insaniah kepada pelajar terlibat. Pengurusan aktiviti SULAM melibatkan kerja berkumpulan dan

berhieraki di mana mahasiswa akan diberi peranan dan tanggungjawab berbeza. Dalam hal ini, elemen kemahiran insaniah seperti kepimpinan dan kerja berpasukan diaplikasikan oleh pelajar. Dapatkan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa pelajar yang terlibat dengan *service-learning* akan membentuk kemahiran insaniah kerja berkumpulan dan kepimpinan (Carte, 2011; Laal and Ghodsi, 2012; Marcu *et. al.*, 2019).

### JADUAL 5. Tahap kemahiran insaniah

Dimensi	Min	Tahap
Pemikiran Kritis dan penyelesaian masalah	4.14	Tinggi
Komunikasi	4.16	Tinggi
Kerja berpasukan	4.33	Tinggi
Etika dan moral	4.16	Tinggi
Pembelajaran berterusan	4.27	Tinggi
Kepimpinan	4.15	Tinggi

Antara matlamat aktiviti SULAM bertujuan membantu selesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Mahasiswa yang melaksanakan aktiviti SULAM ini perlu mengenal pasti dan mencari pendekatan yang bersesuaian bagi menjayakan aktiviti SULAM yang memenuhi keperluan kelompok masyarakat sasaran. Proses ini melibatkan elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Pelaksanaan aktiviti SULAM boleh melibatkan pelbagai pihak seperti mahasiswa, pensyarah, ahli masyarakat, agensi kerajaan atau swasta. Elemen komunikasi memainkan peranan penting bagi menjayakan aktiviti SULAM. Selain berkomunikasi antara pensyarah dan mahasiswa, komunikasi turut berlaku antara pelajar dengan pihak-pihak lain sama ada melalui telefon, surat/*e-mel* atau mesyuarat. Dalam kalangan mahasiswa juga perlu kerap berkomunikasi melalui perbincangan formal atau tidak formal untuk menyelaras dan mengetahui status tugas masing-masing. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Tucker *et. al.* (1998), Khan dan Jacob (2015), dan Najmr *et. al.* (2018) yang menunjukkan bahawa pelaksanaan *service-learning* berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar terlibat.

Aktiviti SULAM memberi peluang kepada mahasiswa bagi mengaplikasi ilmu dipelajari di dalam kelas ke dunia lapangan sebenar. Mahasiswa akan berusaha mengetahui dan memahami isu dan situasi sebenar di lapangan sebelum dapat mengalikasi ilmu yang mereka ada. Ini menunjukkan senario umum yang memerlukan mahasiswa untuk terus belajar melalui dunia sebenar. Proses ini mengalakkan pembelajaran berterusan dikalangan pelajar yang melaksanakan aktiviti SULAM.

Setiap proses terlibat dalam pelaksanaan aktiviti SULAM mempunyai tatacara atau prosedur tertentu yang perlu dikuti dan dipatuhi oleh mahasiswa. Menurut Musa *et. al.*, (2017) pelaksanaan *service-learning* melalui kursus akademik melalui tiga fasa iaitu Fasa 1, merancang, analisa dan reka bentuk;

Fasa 2, pelaksanaan; Fasa 3, penilaian, refleksi dan pemantauan. Melalui aktiviti SULAM mahasiswa berpeluang untuk terdedah dengan aspek etika dan moral semasa mereka menjayakan sesuatu aktiviti tersebut.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti SULAM di dalam kursus kurikulum memberi impak dalam pembentukan kemahiran insaniah kepada mahasiswa yang terlibat. Pembentukan kemahiran insaniah secara holistik akan dapat memberi nilai tambah kepada kebolehpasaran serta membina keyakinan diri mahasiswa apabila melangkah keluar dari university kea lam pekerjaan.

### KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa wujud pembentukan kemahiran insaniah kepada pelajar-pelajar melalui kursus kurikulum yang melaksanakan aktiviti SULAM di UiTM. Pelaksanaan aktiviti SULAM tidak sahaja memberi peluang kepada pelajar bagi mengaplikasi ilmu di dalam bilik kuliah kepada dunia sebenar. Ia juga memberi peluang kepada pelajar mengasah dan mengembangkan kemahiran insaniah. Elemen kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, komunikasi, kerja berpasukan, etika dan moral, pembelajaran berterusan dan kepimpinan ini digunakan oleh pelajar semasa menjayakan aktiviti SULAM mereka.

### BATAS KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan semasa kerajaan melaksana Perintah Kawalan Pergerakan. Justeru itu persampelan diambil kepada mahasiswa yang belajar dan melaksanakan SULAM secara dalam talian. Elemen dan pengaruh aspek pembelajaran dan pelaksanaan SULAM secara dalam talian tidak disentuh dan dibincangkan dalam kajian ini.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Pengarah Pusat Kokurikulum UiTM yang memberi kebenaran dan sokongan dalam menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar kokurikulum yang mengambil bahagian dan memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abbas, R., Abdul Kadir, F. A., & Ghani Azmie, I. A. (2013). Integrating soft skills assessment through soft skills workshop program for engineering students at University of Pahang: An analysis. *International Journal of Research in Social Sciences*, 2(1), 33-46.
- Azlan, N., Amran, N. N. & Ishak, H. (2020). Amalan service-learning berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajaran Islam*. 42 (2): 23-33.
- Baharom, N. & Idris, M. S. (2017). The roles of co-curricular in promoting student's human capital development. *Elixir Educational Technology*. 108(2017): 47664-47666
- Carte, L. (2011) Idea for adding soft skills education onto service learning and capstone courses for computer science students. Proceeding of the 42<sup>nd</sup> ACM Technical Symposium on Computer Science Education 2011. pp 517 – 522.
- Culcasi, I., Russo, C. & Cinque, M. (2020). What does it mean to be (come) an Engaged University? Third European Conference on Service-Learning in Higher Education. Slovakia, 2020.
- Ibrahim, S. M., Hassan, Z., & Bayang, R. (2020). Benefit of Service Learning for Undergraduate Students of Education, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*. 18(2): 22-31.
- Kamsah, M. Z., Abu, M. S., Razally, W. (2008). Penerapan kemahiran insaniah (KI) kepada pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPTA. Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial 2008.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025.
- Khan, T. M., & Jacob, S. A. (2015) Service learning for pharmacy students: Experience of a home-grown community engagement elective unit. *Journal of Pharmacy Practice and Research*, 45(3), 314-317.
- Kuan, G., Abdullah, N., Kueh, Y. C. Ismail, M. Shafei, M. N. & Morris, T. (2019). Co-curricular activities and motives for participating in physical activity among Health Sciences students at Universiti Sains Malaysia, Malaysia. *Malays J Med Sci*. 26(1):138–146.
- Laal, M. and Ghodsi, S. M. (2012). Benefits of collaborative learning. Procedia - Social and Behavioral Sciences, vol. 31, pp. 486-490.
- Lau, M. R., Ahmad, H., Ibrahim, M. F., Yusof, N. & Ariffin, N. (2015) Kemahiran Insaniah di sekolah menengah dan universiti awam. The International Language and Education Conference (iLEC 2015).
- Mancha, S. A. & Ahmad, A. (2016). Co-curricular activities and its effect on social skill. International Conference on Education and Regional Development 2016. 31 October & 1 November 2016. Bandung, Indonesia.
- Malaysian Higher Education Teaching and Learning Council. (2016). Guideline for the Implementation of High Impact Education Practices in the Curriculum. Serdang: UPM Press.
- Malinin, L. H. 2017. Soft skill development in service-learning: towards creative resilience in design practice. *Urban Design and Planning*. 171: 43-50.
- Marcu, V. B., Atan, N. A., Talib , R., Latif, A. A. & Yusof, S. M. 2019. Promoting Students' Generic Skills with the Integration of e-Service Learning Platform. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*. 14(20): 4 – 16.
- Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M. & Othman, I. W. (2021) Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa. International Journal of Education, Psychology and Counseling. 6 (37): 90-100.
- Mat, N., Noordin, M. S., Abdullah, N. A., Muslim, N. & Alias, J. Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. 20: 33-46.
- Md Rashidi, R. A. Zaihan, N. A., Samat, M. F. (2018). Developing Soft Skills in Students Through Co-Curriculum Activity: A Case Study of UiTM Cawangan Kelantan. Konvensyen Kebangaan Pemimpin Pelajar.
- Musa, N., Abang Ibrahim, D. H., Abdullah, J., Saee, S., Ramli, F., Mat, A. R., & Ahmad Khiri, M. J. (2017). A methodology for implementation of service learning in higher education institution: A case study from faculty of computer science and information technology, UNIMAS. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 9(2), 101 – 109.
- Najmr, S., Chae, J., Greenberg, M. L., Bowman, C., Harkavy, I. and Maeyer, J. R. (2018). A service-learning chemistry course as a model to improve undergraduate scientific communication skills. *Journal of Chemical Education*. 95: 528-534.
- Salleh, K. M., Sulaiman, N. L., & Talib, K. N. (2010). Globalization's impact on soft skills demand in the Malaysian workforce and organizations: What makes graduates employable? *Proceedings of the 1<sup>st</sup> UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training*, 210-215.
- Salleh, K. M., Subhi, N. I., Sulaiman, N. L., & Latif, A. A. (2016). Generic skills of technical undergraduates and industrial employers' perceptions in Malaysia. *International Journal of Applied Business and Economic Research*, 14(14), 907-919.
- Sohadi, R. U. R., Abu, M. S., Razaly, W., Badushah,J., Ahmad Yusof Buyong, A. Y, Hashim H. dan Tamsi N. A., (Ed). (2006). Modul Pembangunan

Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.  
 Tucker, M. L., McCarthy, A. M., Hoxmeier, J. A., & Lenk, M. M. (1998) Community Service Learning Increases Communication Skills Across the

Business Curriculum. *Higher Education*: 88 – 99.  
 Virtanen, A. and Tynjälä, P. (2018.) Factors explaining the learning of generic skills: a study of university students' experiences. *Teaching in Higher Education*, pp. 1-15.

Noor Afzan Zakaria \*  
 Pusat Kegiatan Pelajar,  
 Aras 4, Kompleks Budisiswa,  
 Universiti Teknologi MARA,  
 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Fairus Muhamad Darus  
 Pusat Kimia dan Persekutaran,  
 Fakulti Sains Gunaan,  
 Universiti Teknologi MARA,  
 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Nooraiddah Mokhtar  
 Pusat Kokurikulum,  
 Universiti Teknologi MARA,  
 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: afzan276@uitm.edu.my

Diserahkan: 10 Januari 2023  
 Diterima: 19 Mei 2023